



MANUAL KHUTBAH JUMAAT



TAJUK ; ZIARAH BERADAB, UKHUWAH DIPERTEGUH



ISLAMIC SAVOUR - OBEDIENCE

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor





“ZIARAH BERADAB, UKHUWAH DIPERTEGUH”.1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : فَإِذَا دَخَلْتُمْ بُيُوتًا فَسَلِّمُوا عَلَى أَنْفُسِكُمْ تَحِيَّةً مِّنْ عِنْدِ اللَّهِ مُبَرَكََةً طَيِّبَةً كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ الْآيَاتِ لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ .	
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ عَالِيهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.	3
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾	4
Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan di akhirat.	5
Pada hari yang mulia ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk “ZIARAH BERADAB, UKHUWAH DIPERTEGUH”.	6



Walaupun kita kini berada di pertengahan bulan Syawwal, amalan ziarah-menziarahi masih terus subur dalam masyarakat Islam di negara ini. Sentiasa ada ruang untuk saling bermaaf-maafan dan mengeratkan hubungan kekeluargaan serta persahabatan. Namun, janganlah ziarah hanya dihayati pada adat kebiasaan sahaja. Ia bukan hanya bertukar hantaran ucapan atau memuat naik status di media sosial, tetapi menuntut keikhlasan hati dan penghayatan adab yang sebenar.	7
Hari ini kita tak dapat nafikan bahawa ada keluarga yang berpecah, ibu bapa tinggal bersendirian, atau adik-beradik yang tidak bertegur sapa bertahun-tahun atas urusan dunia. Justeru, amalan ziarah bukan sahaja merupakan satu adat bahkan ia boleh menjadi medium untuk memulihkan dan mengerat silaturahim yang mungkin agak hambar setelah sekian lama.	8
Dalam pada itu, Islam juga mengajar umatnya supaya menjaga adab ketika berkunjung dan bertegur sapa antara satu sama lain. Hal ini sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Nur ayat 61 yang dibacakan pada permulaan khutbah tadi yang bermaksud: <i>"Apabila kamu memasuki mana-mana rumah hendaklah kamu memberi salam (kepada penghuninya, yang bererti memberi salam) kepada dirimu sendiri, dengan salam yang penuh berkat dan baik dari sisi Allah. Demikianlah Allah menjelaskan ayat-ayat (hukum-Nya) agar kamu memahaminya."</i>	9
Bagi sesiapa yang ingin melakukan aktiviti ziarah, perlu difahami bahawa setiap kunjungan mesti disertai adab yang mencerminkan akhlak seorang Muslim. Sewaktu berziarah, kita disarankan memakai pakaian yang bersih, menutup aurat, dan sesuai dengan syariat. Islam tidak melarang kita mengikuti fesyen semasa, tetapi segala bentuk penampilan hendaklah dijaga supaya tidak menimbulkan fitnah.	10



Firman Allah SWT dalam surah al-Ahzab ayat 59:

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ قُلْ لِّأَزْوَاجِكَ وَبَنَاتِكَ وَنِسَاءِ الْمُؤْمِنِينَ يُدْنِينَ عَلَيْهِنَّ مِنْ
جَلْبِيبِهِنَّ ذَلِكَ أَدْنَى أَنْ يُعْرَفْنَ فَلَا يُؤْذَيْنَ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَحِيمًا.

11

"Wahai Nabi suruhlah ister-isterimu, anak-anak perempuanmu dan perempuan-perempuan yang beriman supaya melabuhkan pakaian mereka bagi menutup seluruh tubuh mereka (semasa mereka keluar)! Demikianlah caranya agar mereka lebih mudah untuk dikenali (sebagai perempuan yang baik) sehingga mereka tidak disakiti. Dan (ingatlah) Allah maha Pengampun lagi Maha Pengasih."

12

Selain itu, ziarah hendaklah dilakukan dengan penuh hormat, termasuk meminta izin dan memilih waktu yang sesuai bagi menghormati privasi tuan rumah. Elakkan berkunjung pada waktu rehat seperti sebelum Subuh, tengah hari atau selepas Isyak, kecuali dengan keizinan tuan rumah. Dengan cara ini, amalan ziarah bukan sahaja memenuhi adab Islam, tetapi juga memastikan interaksi berlangsung dengan aman dan harmoni.

13

Matlamat utama ziarah ialah mengeratkan silaturahim dan memperkukuhkan ukhuwah *Islamiyyah*. Namun, ramai yang terlupa tujuan ini apabila leka dengan telefon pintar atau kerenah anak-anak, hingga suasana ziarah terasa hambar. Oleh itu, setiap kunjungan harus diniatkan kerana Allah SWT, supaya hubungan kekeluargaan dipererat dan kasih sayang sesama sanak saudara terus terpelihara.

14



Renungkan hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radiallahuanhu* bahawa Rasulullah SAW bersabda :

مَنْ عَادَ مَرِيضًا أَوْ زَارَ أَخًا لَهُ فِي اللَّهِ نَادَاهُ مُنَادٍ أَنْ طُبْتُ وَطَابَ مَمْشَاكَ
وَتَبَوَّاتٍ مِنَ الْجَنَّةِ مَنْزِلًا

15

"Sesiapa yang melawat orang yang sakit atau menziarahi saudaranya kerana Allah SWT maka nanti akan diseru dengan kata-kata, kamu akan mendapat kebaikan, perjalanan kamu akan dipermudahkan dan akan disediakan bagi kamu tempat di syurga."

(Riwayat al-Tirmizi).

16

Dalam kita mengejar ganjaran sebagaimana yang disebutkan dalam hadis ini, janganlah kita mencemarkan adab ziarah dengan sikap yang tidak sepatutnya. Jagalah pandangan mata dan tingkah laku ketika berada di rumah orang lain. Tundukkan pandangan daripada memerhati keadaan di rumah orang lain, kerana setiap rumah adalah ruang peribadi yang mesti dihormati.

17

Lihatlah bagaimana Abdullah bin Mas'ud *Radiallahuanhu* menegur sahabatnya yang meliarkan pandangan:

وَاللَّهِ لَوْ تَفَقَّأْتُ عَيْنَاكَ كَانَ خَيْرًا لَكَ

"Demi Allah! Kalaulah matamu itu terbungkil keluar, maka itu adalah lebih baik bagimu"

18



Selain itu, tempoh ziarah juga mesti dijaga. Janganlah kita terlalu lama berada di rumah orang lain sehingga menimbulkan rasa tidak selesa kepada tuan rumah. Setiap tetamu perlu tahu batas dan menghormati waktu, kerana mungkin pada masa yang sama tuan rumah mempunyai urusan lain yang perlu diselesaikan.

Di samping itu, jauhilah segala perkara yang boleh menyusahkan atau menyakiti hati tuan rumah. Jangan meminta sesuatu di luar kemampuan mereka, apatah lagi mengkritik juadah yang disediakan. Sikap sebegini boleh merosakkan hubungan dan menggagalkan tujuan asal ziarah. Sebaliknya, hiasilah ziarah kita dengan doa dan kebaikan. Doakan tuan rumah agar dilimpahi rezeki dan keberkatan,

19

sebagaimana doa yang diajarkan oleh Rasulullah SAW dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada al-Miqdad *Radiallahuanhu*:

اللَّهُمَّ أَطْعِمْ مَنْ أَطْعَمَنِي وَأَسْقِ مَنْ أَسْقَانِي

20

*“Ya Allah ya Tuhan kami, berilah makan kepada orang yang memberi makan kepada kami dan berilah minum kepada orang yang memberi minum kepada kami.”
(Riwayat Muslim).*

21

Gunakanlah peluang Syawwal ini untuk benar-benar berukhuwah. Rendahkanlah sedikit ego yang mungkin selama ini kita pertahankan. Hulurkan tangan, bersalaman, dan peluklah saudaramu dengan penuh kasih sayang. Kerana mempererat hubungan itu jauh lebih bermakna daripada sekadar berhari raya di rumah yang indah, tetapi hati masih berjauhan.

22



Dalam masa yang sama, jagalah adab ketika berziarah. Jadikan kunjungan kita sebagai sesuatu yang menggembarakan, bukan yang membebankan. Jangan jadikan rumah terbuka sebagai tempat mengumpat, menabur fitnah atau menyebarkan cerita yang tidak pasti. Jangan pula pertemuan keluarga menjadi ruang membanding-bandingkan kelebihan hingga tanpa sedar ada hati yang terluka. Hargai dan nikmatilah setiap detik bersama kaum keluarga dan sahabat handai masing-masing. Moga Allah SWT berkati setiap ziarah dan pertemuan kita.

Mengakhiri khutbah hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran yang boleh dijadikan pedoman dalam kehidupan seharian kita:

1. Kita hendaklah menziarahi dengan hati yang ikhlas, menjaga adab, dan menghormati privasi tuan rumah. Kunjungan bukan sekadar adat, tetapi ibadah yang harus dilaksanakan dengan penuh ikhlas dan rendah diri.
2. Kita hendaklah memelihara pandangan mata, tutur kata, dan tingkah laku semasa berziarah. Jangan berada terlalu lama sehingga menyusahkan atau mengganggu urusan tuan rumah.
3. Kita hendaklah menjadikan setiap kunjungan peluang untuk bersalaman, bersua muka, dan mendoakan kebaikan tuan rumah. Mudah-mudahan hubungan yang terjalin dengan adab dan ikhlas akan diberkati Allah SWT.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلَحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ.

"Sesungguhnya orang yang beriman itu bersaudara, maka damaikanlah antara kedua-dua saudara kamu (yang bertelingkah) dan bertakwalah kepada Allah agar kamu mendapat rahmat."

(Surah al-Hujurat: 10).



30	بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
31	أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ



KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ الشَّرِيعَةَ هُدًى لِلنَّاسِ وَرَحْمَةً، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
2	. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. ¹
5	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
6	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.
7	اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذِلَّ الشَّرْكَ وَالْمُشْرِكِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَ الدِّينِ، وَاجْعَلْ هَذَا الْبَلَدَ آمِنًا مُظْمِنًا وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

¹ Al-Ahzab: 56.



8	اللَّهُمَّ وَفِّقْ أَيْمَةَ الْمُسْلِمِينَ وَوَلَاةَ أُمُورِهِمْ وَجَمِيعَ الْمُسْلِمِينَ لِمَا فِيهِ صَلَاحُ الْبِلَادِ وَالْعِبَادِ.
9	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَتَحْفَظَ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،
10	جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُورٍ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،
11	وَالصَّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيُوَلِّيَ عَهْدَ سَلَاطُورٍ، تَغْثُ كُوَامِيرَ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ.
12	اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُؤْتَظِّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.
13	Ya Allah! Kukuhkanlah akidah umat Islam berteraskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat <i>Radiallahuamhum</i> , seperti yang telah dirumuskan oleh Imam Abu Hasan al-Asya'ri dan Imam Abu Mansur al-Maturidi, beramal dengan Mazhab Al-Syafi'e dan menerima tiga mazhab yang lain, serta bertasawwuf dengan jalan Imam Junaid al-Baghdadi dan Imam al-Ghazali..



Jauhkanlah kami daripada segala bentuk rasuah dan salah guna kuasa, begitu juga kesesatan dan sifat ekstrim, serta lindungilah kami daripada fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.	14
Ya Allah! Kurniakanlah keamanan dan kemakmuran kepada negara dan negeri kami. Peliharalah kami daripada segala bentuk bala bencana, fitnah dan musibah. Anugerahkanlah kepada kami para pemimpin yang berintegriti, tegas dan berani menegakkan kebenaran berlandaskan syariat-Mu.	15
Ya Allah! Lindungilah umat Islam dan Masjid Al-Aqsa di Palestin. Peliharalah mereka daripada kezaliman dan kejahatan, serta kurniakanlah mereka ketabahan, kekuatan, dan kemenangan.	16
رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.²	17
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.³	18
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.	19

² Al-Baqarah: 201.

³ Al-Nahl: 90.